

## **Isu, faktor dan kesan pengabaian solat fardu terhadap peningkatan gejala sosial dalam kalangan pelajar masa kini**

### **ABSTRAK**

Solat fardu merupakan rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan oleh setiap individu muslim mukalaf. Dasawarsa ini, isu pengabaian solat fardu dalam kalangan pelajar semakin berada pada tahap membimbangkan. Pengabaian solat fardu antara punca berlakunya pelbagai gejala sosial dalam kalangan pelajar yang umumnya terdiri daripada golongan remaja. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mengenalpasti golongan pelajar yang terlibat, faktor-faktor berlakunya pengabaian solat fardu dan kesannya terhadap peningkatan gejala sosial dalam kalangan pelajar. Pencarian bahan-bahan ilmiah seperti artikel jurnal, kertas persidangan, tesis dalam bentuk digital dan bukan digital dilakukan dengan menggunakan kata kunci "solat", "solat fardu", "pengabaian solat" dan "gejala sosial remaja" secara online dan carian di perpustakaan. Sebanyak 36 artikel, 5 kertas persidangan dan 22 tesis yang diperolehi namun hanya 13 artikel, 3 kertas persidangan dan 1 tesis dianalisis berdasarkan tujuan kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan isu pengabaian solat fardu dalam kalangan pelajar berlaku dalam kalangan pelajar sekolah, kolej komuniti, institut perguruan, politeknik dan institut pendidikan tinggi. Manakala punca berlakunya isu pengabaian solat fardu dalam kalangan pelajar ini disebabkan pelbagai faktor mencakupi faktor keluarga, ibubapa, individu, kurang kesedaran, rakan sebaya, teknologi dan media massa, sikap, masyarakat, tahap kefahaman solat sederhana, tidak menghafal bacaan solat dan gaya hidup. Secara keseluruhannya pengabaian solat fardu berlaku dalam kalangan pelajar di pelbagai tahap institusi pendidikan disebabkan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran. Hal ini menyumbang kepada berlakunya gejala sosial dalam kalangan pelajar dan perlu dibendung dari peringat awal lagi.